



# Lembaga Minyak Sawit Malaysia

(MAJLIS SAWIT DAN OIL FRUIT BOARD (MPOB))

HARI BERTEMU PELANGGAN

SETIAP JUMAAT MINGGU KE-3 SETIAP BULAN

Tingkat Tingkap 4, Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan,

Wisma Sawit MPOB, Lorong 10 Jaya

88000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

Telefon: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari

1.00 petang - 4.30 petang

Bil. Tuan / Your Ref.:

Bil. Kami / Our Ref.: (2)04/C/656/2 Jil.2

15 Jun 2012

Pk (EL) MPOB 02/2012

Semua Pemegang Lesen Kategori Estet dan Kebun Kecil

Tuan

## PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI ESTET DAN KEBUN KECIL DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAH) 2005

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 telah diwarta dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006. Penguatkuasaan peraturan ini adalah termasuk syarat lesen yang dikenakan ke atas setiap kategori yang dinyatakan dalam lesen sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama dan juga apa-apa syarat yang dikenakan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

3. Mesyuarat Lembaga Ke-69 yang telah diadakan pada 19 April 2012 telah memutuskan untuk menambah syarat baru bagi kategori Estet (ET) dan Kebun Kecil (SH). Sehubungan dengan itu, Lembaga mengambil ketetapan untuk menguatkuasakan syarat lesen yang dikenakan ke atas kategori Estet (ET) dan Kebun Kecil (SH) seperti yang diperincikan di dalam **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2012 [Pk (EL) MPOB 02/2012]** mulai 1 Julai 2012.

Jabatan Pendaftaran dan Pelesenan  
Wisma Sawit

No. 88000-1 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Telp: +603-9054 1234 | Faks: +603-9054 1245 | E-mel: [jpp@mpob.gov.my](mailto:jpp@mpob.gov.my)  
KEMENTERIAN PERUSAHAAN, PERLADANGAN DAN KOMODITI, MALAYSIA

4. Pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2012 [Pk (EL) MPOB 02/2012] untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

**"MESRA, ADIL, TEGAS DAN AMANAH"**

Yang benar,

**DATUK DR CHOO YUEN MAY**  
Ketua Pengarah  
MPOB

- s.k. i. Setiausaha Eksekutif MPOA  
ii. Setiausaha Eksekutif EMPA  
iii. Setiausaha Eksekutif MEOA  
iv. Setiausaha Eksekutif SOPPOA  
v. Yang Dipertua PKPKM  
vi. Setiausaha Eksekutif POMA  
vii. Setiausaha Eksekutif MOPDA  
viii. Setiausaha Eksekutif MEOMA  
ix. Setiausaha Eksekutif PORAM

 <b>M P O B</b>	<b>LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA</b> <b>BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN</b> <b>PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB</b>
---	---

Rujukan Pekeliling : Pk(EL)MPOB 02/2012

Tarikh Kuatkuasa : 1 Julai 2012

Perkara : **PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI ESTET (ET) DAN KEBUN KECIL (SH)**

## 1. TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan tambahan syarat lesen ke atas pemegang lesen kategori Estet (ET) dan Kebun Kecil (SH) bagi aktiviti menjual dan mengalih buah kelapa sawit.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Industri kelapa sawit Malaysia telah dikenalpasti sebagai salah satu punca utama yang boleh menyumbang secara berterusan kepada ekonomi Malaysia, antaranya ialah dengan meningkatkan produktiviti dan kecekapan kadar perahan minyak (OER) ke paras optimum sebanyak 23% menjelang tahun 2020.
- 2.2 Namun begitu, lambakan buah kelapa sawit muda yang berleluasa di pasaran telah menjelaskan hasrat kerajaan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Penuaian tandan buah kelapa sawit muda merupakan satu pembaziran dan merugikan SH dan ET kerana tidak dapat diproses untuk mendapatkan minyak dari tandannya malah SH terutamanya dan ET terpaksa membayar upah yang tinggi dan tidak seimbang dengan pendapatan yang diperolehi. Kejatuhan kadar perahan minyak bukan sahaja meningkatkan kos pemerosesan malah ianya juga akan menghakiskan dayasaing industri kelapa sawit di pasaran global.
- 2.3 Penguatkuasaan larangan membeli atau menerima buah kelapa sawit muda ke atas kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) dan Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) telah dijalankan seawal tahun 2000 sejajar dengan penubuhan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Walau bagaimanapun, penguatkuasaan tersebut tidak memberi impak yang

### JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

maksima memandangkan tiada larangan penjualan atau pengalihan buah kelapa sawit muda dari sumber iaitu SH dan ET.

- 2.4 Setelah kajian dibuat dan pandangan industri kelapa sawit diambil kira dalam pengenaan tambahan syarat lesen ini, suatu pendekatan telah diambil dengan memutuskan bahawa penambahan syarat lesen yang mempunyai kuasa undang-undang hendaklah dilaksanakan bagi memastikan penguatkuasaan larangan buah kelapa sawit muda secara menyeluruh dalam industri kelapa sawit dan memberi impak yang maksima.
- 2.5 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga kali ke-69 yang telah diadakan pada 19 April 2012 telah memutuskan untuk menambah syarat lesen yang dikenakan ke atas kategori Estet (ET) dan Kebun Kecil (SH) bagi aktiviti menjual dan mengalih buah kelapa sawit.

### **3. PENGUATKUASAAN SYARAT LESEN**

- 3.1 Lembaga akan menguatkuasakan syarat lesen bagi pemegang lesen dalam kategori Estet (ET) dan Kebun Kecil (SH) seperti berikut:

#### Tambahan Syarat

Syarat lesen baru:

"Pemegang lesen tidak dibenarkan menjual atau mengalih buah kelapa sawit muda kepada mana-mana orang. Definasi buah kelapa sawit muda adalah seperti yang dinyatakan dalam Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB (Edisi 2003). Bagi maksud syarat ini, "mengalih" termasuk mana-mana orang yang mengambil buah kelapa sawit muda bagi pihak pemegang lesen atau untuk seseorang yang dilesenkan untuk mengalih buah kelapa sawit."

- 3.2 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar syarat-syarat lesen yang dikenakan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

**4. PEMAKAIAN**

Pekeliling Penguatuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2012 [Pk (EL) MPOB 02/2012] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori Estet (ET) dan Kebun Kecil (SH).

**5. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling penguatuasaan ini berkuatkuasa mulai **1 Julai 2012**.

**6. PENGESAHAN & KELULUSAN**

**DATUK DR CHOO YUEN MAY**  
**Ketua Pengarah**  
**MPOB**

Tarikh:

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>